

**Najib Dijadual Hadiri Sesi Taklimat Wanita Umno Pada Jumaat
Bernama
19 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual memberi taklimat kepada anggota Wanita Umno di sini Jumaat ini mengenai pelbagai isu termasuk pengunduran Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata sesi taklimat di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra itu juga bertujuan menangkis pelbagai dakwaan pembangkang selain membincangkan persiapan jentera Umno untuk menghadapi pilihan raya umum ke-13.

"Presiden Umno sendiri akan menjawab dan menjelaskan kepada anggota Wanita Umno semasa taklimat itu nanti, dan diharap segala permasalahan dan kekeliruan akan diselesaikan Jumaat ini," katanya pada sidang media berhubung program Wanita Umno di sini Isnin.

Mengulas gesaan supaya Shahrizat meletak jawatan sebagai ketua pergerakan itu, Tengku Adnan berkata perkara itu tidak sepatutnya timbul.

BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=653252>